



# An-Nasihah

Nasihat Menasihati Dengan Kebenaran dan Kesabaran—Badan Dakwah & Rohani (BADAR)  
Sekolah Agama Menengah Hisamuddin Sungai Bertih, Klang

EDISI 2009, KELUARAN 6

26 JUN 2009 (3 RAJAB 1430)

## KANDUNGAN :

- Adakah Berinternet / Ber'Myspace' HARAM?
- Jom Rebut Mulakan Ucapan Salam!
- Senyum Ketika Solat?

## Adakah Berinternet / Ber'MYSPACE' HARAM?

Pada cuti pertengahan yang lalu, saya mengembara ke alam siber dan menemui ramai pelajar SAMHSB di internet, terutama di Myspace. Bermacam ragam dan gaya mereka tonjolkan diri di sana. Sebahagiannya baik dan mencerminkan akhlaq Islami. Sebahagiannya pula kurang menepati adab ISLAM.

Ada yang menggunakan aplikasi Myspace untuk ber-dakwah dan berkongsi ilmu. Pelbagai nukilan dan coretan dikongsi demi mendapatkan keredhaan dan ganjaran ALLAH. Sejuk hati apabila melihat dan membacanya.

Tidak kurang juga ada yang menggunakannya hanya suka-suka dan bersosial. Sekadar itu sahaja tanpa mendapat faedah yang besar daripadanya.

### Haramkah?

Samada berinternet baik atau buruk, ia banyak bergantung kepada individu dan cara penggunaannya. Ia boleh jatuh HARUS, malah boleh juga jatuh HARAM hukumnya.

Ibarat pisau, jika pisau digunakan untuk memotong sayur, ikan, buah dan seumpamanya untuk disajikan makanan, tentunya penggunaan pisau itu dihukumkan sebagai mubah, iaitu dibolehkan.

Tetapi, jika pisau yang sama digunakan untuk membunuh jiwa manusia, maka penggunaannya adalah HARAM.

Pokoknya, sesuatu boleh menjadi HALAL atau HARAM bergantung kepada niatnya. Dan pastinya pula, niat yang baik sahaja tidak mencukupi. Cara juga mesti betul, iaitu tidak melanggar ketentuan

syara'.

Justeru, kita sebagai muslim mesti mengawal diri dalam menggunakan internet. Kalau dahulunya, sebahagian kita ada yang menentang kewujudan internet kerana risau akan mudharat yang akan dibawanya ke dalam masyarakat. Tetapi kini, kita rasa bersyukur kerana internet jugalah antara jalan ISLAM semakin diterima masyarakat, khususnya masyarakat di sebelah barat. Segala fitnah dan propaganda jahat barat tentang ISLAM melalui media telah diperbaiki melalui maklumat-maklumat yang bebas diproleh di internet. Siapakah yang telah memberi pemahaman tentang ISLAM ini kepada mereka? Pastilah oleh para muslim yang berjiwa da'ie. Maka, beruntunglah mereka kerana telah memilih untuk menggunakan internet sebagai medan dakwah mereka.

(Bersambung ke muka surat 2)


## Jom Rebut Mulakan Ucapan Salam !

“Orang yang paling dekat dengan Allah ialah yang memulakan memberi salam.”  
(HR. Abu Dawud)

Apabila kamu saling berjumpa maka saling mengucapkan salam dan bersalam-salaman,  
dan bila berpisah maka berpisahlah dengan ucapan istighfar. (HR. Ath-Thahawi)

Demi yang jiwaku dalam genggamanNya. Kamu tidak dapat masuk surga kecuali harus beriman dan tidak beriman kecuali mesti saling menyayangi. Mahukah aku tunjukkan sesuatu bila kamu lakukan niscaya kamu saling berkasih sayang?  
Sebarkan salam di antara kamu.

(HR. Muslim)



# Adakah Berinternet / Ber'MYSPACE' HARAM?



(Dari muka surat 1)

Berbalik kepada MYSPACE, kita tahu bahawa ia merupakan jaringan sosial yang efektif. Jika kita sekadar menggunakannya untuk tujuan berkenal-kenal, maka itulah sahaja yang kita akan dapat. Tetapi, jika kita berfikir bahawa ia boleh dimanfaatkan lebih lagi, bukan sekadar berkenal-kenal, maka kita bakal menjadi manusia yang beruntung.

## Maksimalkannya Ke Jalan Haq

Kita boleh memanfaatkan Internet dan Myspace seperti berikut:

- **Dakwah dan nasihat.**

Kita boleh menggunakan buletin, status atau apa-apa aplikasi yang bersesuaian untuk menyampaikan mesej agama kepada rakan-rakan.

*"Demi masa. Sesungguhnya manusia benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan nasihat menasihati supaya menaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran."* (al-Asr: 1-3)

Nabi sallAllahu 'alaihi wasallam

pemah bersabda: *"Agama itu adalah nasihat"*. (HR.Muslim)

- **Berkongsi ilmu dan tips.** Tidak kisahlah berkaitan apa pun asalkan bersesuaian. Contohnya tips belajar, mempertahankan diri, masakan, keselamatan jalanraya, kewangan dan lain-lain.

- **Berkongsi berita** tentang apa yang berlaku sekeliling kita. Sebagai ahli dalam komuniti muslim, kita sewajarnya mengambil tahu akan nasib yang berlaku terhadap saudara seagama kita di dalam dan luar negara dan sebarakan.

- **Buat pengumuman majlis ilmu.** Kadang-kadang kita memandang remeh akan pengumuman seperti itu. Tetapi percayalah, pasti ada di kalangan ahli MYSPACE yang sangat gembira dengan pengumuman itu. Jika mereka pergi maka ia adalah asbab dari pengumuman yang telah kita buat.

- **Bertegur sapa** di kalangan ahli jaringan. Bertegur sapa dan bertanya khabar akan dapat mengeratkan tali persauda-

raan sesama insan. Ia akan mewujudkan mahabbah dan ukhwwah yang kuat walaupun sekadar di alam siber. Tetapi awas, janganlah kita melampaui batas dalam bertegur sapa. Jagalah adab dan akhlaq. Lelaki dan perempuan harus ada rasa malu. Dan jaga-jagalah akan gambar yang kita muatnaikkan (*upload*), terutama gambar-gambar perempuan. Elakkan dari memuatnaik gambar-gambar yang boleh menimbulkan fitnah.

- Dan banyak lagi...

Mudah-mudahan tulisan ini bisa dimanfaatkan oleh para pelajar yang menggunakan internet, MYSPACE dan seumpamanya. Bukannya apa, sayang sekali jika kita tidak memanfaatkannya semaksima mungkin sesuai dengan kehendak agama. Sedangkan ia boleh menjadi medan dakwah yang efektif kerana jaringan telah terbina. Maklumat senang disampaikan.

**"Maka berlumba-lumbalah kamu (dalam berbuat) kebajikan. Di mana saja kamu berada pasti Allah akan mengumpulkan kamu sekalian (pada hari kiamat). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu."** (al-Baqarah: 148)

Mari kita mengejar dan berlumba-lumba dalam membuat kebaikan. Dalam apa cara sekali pun, dengan kaedah apa sekali pun, ruang apa yang ada sekali pun, mari kita manfaatkan. Kerana akhirnya nanti ia bakal menjadi bekal buat kita tatkala bertemu ALLAH Azza wa Jal.

wAllahu Ta'ala A'lam.

(Disunting dari [www.muzir.wordpress.com](http://www.muzir.wordpress.com))

## Senyum Ketika Solat?

### Soalan:

Jika seseorang tersenyum ketika solat, adakah dia perlu menyempurnakan solat atau berhenti, dan mengulangi solat itu?

### Jawapan:

Seseorang wajib menumpukan perhatian kepada solat yang sedang didirikan kerana khusyuk merupakan asas dalam solat.

Maksud firman ALLAH: ***"Sesungguhnya telah berjaya orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam solat."*** - Surah al-Mukminun: 1-2.

Tidak syak lagi bahawa senyum ketika solat boleh menghilangkan kekhusyukan. Walau bagaimanapun, solatnya tidak batal. (rujuk al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah, jil.27, ms.124)

Qudamah r.h berkata: ***"Ibn Munzir berkata: Para ulama bersepakat bahawa ketawa boleh membatalkan solat, tetapi senyum tidak membatalkannya. Syeikh Islam Ibn Taimiyah juga memberi pendapat yang sama."*** (Rujuk al-Mughni, jil. 1, ms.394 dan al-Fatawa al-Kubra, jil.2, ms.227)

Imam Nawawi r.h berkata: ***"Tersenyum di dalam solat mengikut mazhab kami (Syafie) tidak memberi apa-apa kesan kepada solat."*** (Rujuk al-Majmu', jil.4, ms.22 dan Kasysyaf al-Qina', jil.1, ms.402)

Kesimpulannya, seseorang yang tersenyum hanya perlu menyempurnakan solatnya dan cuba untuk menghindari perkara-perkara yang menjurus ke arah itu.